

19 premis produ

Sinar Harian

BALAKONG- Sebanyak 19 premis pengeluar produk kesihatan diserbu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara serentak bersama rampasan bernilai RM3 juta.

Hasil serbuan terhadap pengeluar produk kesihatan terbesar ini, pihak KKM merampas produk keluaran syarikat terbabit berharga RM2.5 juta berserta mesin pengendalian yang bernilai RM500,000.

Pengarah Penguatkuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia, Mohd Hatta Ahmad berkata, 19 premis itu adalah enam kilang, empat stor, tujuh pengedar dan dua rumah kediaman yang terletak di sekitar lembah Klang.

"Rampasan dibuat terhadap produk kesihatan berbentuk kapsul, kopi yang disyaki mempunyai racun



“Aktiviti pembuatan dan campuran bahan palsu ini memberi kesan negatif kepada pengguna antaranya serangan jantung, pendarahan otak, gangguan mata sehingga boleh menyebabkan buta dan kerosakan organ badan lain.”

■ Mohd Hatta Ahmad

berjadual seperti sildenaflil dan tadalafil.

“Aktiviti pembuatan dan campuran bahan palsu ini memberi kesan negatif kepada pengguna antaranya serangan jantung, pendarahan otak, gangguan mata sehingga boleh menyebabkan buta dan kerosakan organ badan lain,” katanya.

Sememangnya pemi-

lik syarikat ini tidak serik kerana mereka pernah diserbu KKM setahun lalu dan ketika serbuan, mereka berlakon seolah-olah tidak mengetahui akan kesan produk keluaran mereka itu.

Mohd Hatta berkata, kali ini lakonan mereka tidak akan berjaya kerana penemuan bahan yang sama di dalam produk keluaran mereka.

K seks diserbu

02/07/2010 M/S 58



■ Antara produk yang siap dibungkus untuk dipasarkan. Gambar kecil, gula-gula tenaga batin yang dijual dengan harga RM5.

Perlu bijak nilai kandungan barang

Mohd Hatta berkata, kebanyakan pengguna terpedaya dengan kepuasan yang dijanjikan tanpa mengetahui akan kesan buruk yang bakal diterima.

"Seharusnya pengguna perlu bijak menilai kerana harga dijual sangat mahal.

"Bagi 10 paket kopi, harganya mencecah RM125 hingga RM200 manakala untuk 10 kapsul berharga sekitar RM100.

"Adalah tidak wajar harga kopi yang murah itu boleh mencecah ratusan ringgit, justeru pengguna patut syak wasangka kandungan yang dimuatkan dalam produk itu," katanya.

Produk yang dipasarkan syarikat yang beroperasi selama empat tahun ini tidak berdaftar dengan pihak Kementerian Kesihatan dan kebanyakan produk mengandungi sildenafil dan tadalafil.

Turut dirampas, gula-gula tenaga batin yang berharga RM5 sebiji berserta minuman teh lemon ais yang dicampurkan barangan terlarang.

Menurut Hatta, intipan dan risikan dilakukan sebelum serbuan dijalankan dan pihaknya akan terus mengumpul bukti bagi mendakwa syarikat itu atas kesalahan mereka.

Jika sabit kesalahan, akan dikenakan denda sebanyak

RM50,000 manakala individu iaitu pemilik boleh dipenjarakan tidak lebih tiga tahun berserta denda RM25,000 seorang atau keduanya sekali di bawah Akta Racun 1952.

Turut sama, Penolong Pengarah Penguatkuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia, Wan Hamid Wan Ibrahim.

Menurut Wan Hamid, lebih 10 produk dikenalpasti dan nama produk mereka jelas menunjukkan untuk bantuan seksual.

Bagi meyakinkan pelanggan, tanda halal dan cop barangan buatan Malaysia diletakkan di kotak produk keluaran syarikat ini.



■ Wan Hamid Wan Ibrahim (kiri) dan Mohd Hatta Ahmad (tengah) menunjukkan jenis produk terlarang yang dikeluarkan syarikat terbabit.